



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Telefon : 603-88832545

Fax : 603-88895542

Ruj. Kami: KKM 87/P1/1/1/3 (10)

Tarikh : 15 Jun 2007

Pengarah Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL: 2 / 2007
LIPUTAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Tujuan garispuanduan ini adalah untuk menyelaraskan perkhidmatan Liputan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. LATARBELAKANG

Pihak hospital sentiasa menerima banyak permohonan bagi menyediakan perkhidmatan liputan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah mahupun peringkat mukim. Di hospital, penyediaan Pasukan Perlindungan Perubatan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kecemasan.

Jabatan Kecemasan bukan hanya memberi perkhidmatan kepada kes-kes kecemasan, tetapi turut bertanggungjawab di dalam memberi perkhidmatan panggilan ambulans di sekeliling kawasan hospital. Di samping itu, ia turut terlibat dalam latihan kecemasan (Emergency Drill) dengan syarikat-syarikat swasta, agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Dengan

peningkatan beban kerja di Jabatan Kecemasan, maka jabatan ini menghadapi kesukaran untuk menyediakan Pasukan Perlindungan Perubatan. Sehubungan dengan itu, satu garis panduan yang seragam perlu diwujudkan untuk menyelaraskan perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan bagi memastikan perkhidmatan kepada pesakit di Jabatan Kecemasan tidak terjejas.

3. OBJEKTIF PEKELILING :

- 3.1 Mewujudkan satu piawaian yang seragam terhadap penyediaan perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3.2 Menentukan tahap perkhidmatan pasukan perlindungan perubatan dan Kesihatan.
- 3.3 Mengenalpasti dan menentukan pihak yang layak menerima perkhidmatan Pasukan Perubatan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan.
- 3.4 Memastikan keperluan-keperluan asas yang sesuai disediakan untuk Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan supaya dapat memberi liputan dengan sempurna.
- 3.5. Menentukan caj yang perlu dikenakan mengikut kelayakan anggota perubatan yang bertugas.

4. GARISPANDUAN PELAKSANAAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Garis panduan ini menjelaskan perkara-perkara berikut:

- 4.1. Skop Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan
- 4.2. Jenis Perlindungan Perubatan
- 4.3. Matlamat Pasukan Perubatan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan
- 4.4. Tugas penyelarass yang dilantik
- 4.5. Kriteria pemilihan hospital untuk memberikan Perlindungan Perubatan
- 4.6. Keperluan asas bagi Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan
- 4.7. Keperluan khas yang perlu disediakan oleh pihak penganjur
- 4.8. Keperluan khas yang perlu disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

- 4.9. Caj untuk Pasukan Perlindungan Perubatan
- 4.10 Sistem pengurusan penyediaan pasukan perubatan tunggu sedia

5. TANGGUNGJAWAB

Adalah tanggungjawab Pengarah Kesihatan Negeri, untuk memantau pelaksanaan garis panduan ini. Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada :

**Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
(U.P: Ketua Penolong Pengarah Kanan /
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembedahan & Kecemasan
Tel.No : 03-88831159 / 03-88831157
Fax. No : 03-88831155)**

6. TARIKH KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 5.2 Dengan pengedaran Surat Pekeliling ini, maka PEKELILING PENGARAH PERKHIDMATAN PERUBATAN NO.3/86 PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PASUKAN PERUBATAN BIL (7) DLM.KKM-87 (151/1) BERTARIKH 3 Julai 1986 adalah terbatal dan termansuh dengan sendirinya.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan
Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

GARISPANDUAN LIPUTAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah sebagai garis panduan untuk menyelaraskan perkhidmatan Liputan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. PENDAHULUAN

Pihak hospital sentiasa menerima banyak permohonan bagi menyediakan perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah mahupun peringkat mukim. Di hospital, penyediaan Pasukan Perlindungan Perubatan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kecemasan.

Jabatan Kecemasan bukan hanya memberi perkhidmatan kepada kes-kes kecemasan, tetapi turut bertanggungjawab di dalam memberi perkhidmatan panggilan ambulans di sekeliling kawasan hospital. Di samping itu, ia turut terlibat dalam latihan kecemasan (Emergency Drill) dengan syarikat-syarikat swasta, agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Dengan peningkatan beban kerja di Jabatan Kecemasan, maka jabatan ini menghadapi kesukaran untuk menyediakan Pasukan Perlindungan Perubatan. Sehubungan dengan itu, satu garis panduan yang seragam perlu diwujudkan untuk menyelaraskan perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan bagi memastikan perkhidmatan kepada pesakit di Jabatan Kecemasan tidak terjejas.

3. OBJEKTIF PEKELILING :

- 3.1. Mewujudkan satu piawaian yang seragam terhadap penyediaan perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia
- 3.2. Menentukan tahap perkhidmatan pasukan perlindungan perubatan dan Kesihatan.
- 3.3. Mengenalpasti dan menentukan pihak yang layak menerima perkhidmatan Pasukan Perubatan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan.
- 3.4. Memastikan keperluan-keperluan asas yang sesuai disediakan untuk Pasukan Perubatan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan supaya dapat memberi liputan dengan sempurna.
- 3.5. Menentukan caj yang perlu dikenakan mengikut kelayakan anggota perubatan yang bertugas.

4. SKOP PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN

Orang Kenamaan Yang Layak Diberi Perkhidmatan Perlindungan Perubatan

(a) PERINGKAT PERSEKUTUAN

- SPB Yang Dipertuan Agong
- Raja Permaisuri Agong
- Perdana Menteri
- Timbalan Perdana Menteri
- Menteri-Menteri (atas permintaan khas)
- Ketua Negara Asing / Tetamu Negara

(b) PERINGKAT NEGERI

- Raja-Raja / Pemangku-Pemangku Raja
- Yang DiPertua Negeri
- Menteri Besar / Ketua Menteri (atas permintaan khas)

(Ketua Pusat Tanggungjawab boleh menggunakan budibicara didalam keadaan khas yang tertentu)

Majlis Yang Layak Diberi Perkhidmatan Perlindungan Perubatan :

(a) Liputan untuk orang kenamaan sahaja:

- Lawatan Rasmi oleh Ketua Negara Asing/Tetamu Negara
- Persidangan Antarabangsa yang melibatkan Ketua-Ketua Negara / Tetamu Negara.
- Perlindungan semasa kehadiran orang kenamaan (seperti di nyatakan di atas) dalam acara rasmi

(b) Liputan untuk peserta/orang ramai

- Sukan Kebangsaan / Antarabangsa yang dianjurkan oleh kerajaan dan dihadiri oleh orang kenamaan
- **Operasi Jemaah Haji Tanah Air**
Sepanjang musim Haji Jemaah Haji selama 2 bulan, jemaah haji akan di berikan perlindungan perubatan semasa pemergian ke tanah suci dan kembali ke tanah air. Perlindungan perubatan ini diberi sepanjang hari di mana 2 pasukan perubatan akan memberikan perlindungan siang malam. Pasukan perubatan ini akan terdiri daripada seorang doktor, seorang paramedik, seorang jururawat dan seorang pemandu. Pasukan perubatan ini akan tinggal di hotel yang berdekatan (jika di perlukan) yang harus di sediakan oleh pihak penganjur.

5. JENIS PERLINDUNGAN

Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital berkenaan akan menentukan jenis perlindungan perubatan dan kesihatan yang harus di berikan (sila rujuk **LAMPIRAN 2**)

6. MATLAMAT PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

- 6.1 Bertindak serta-merta dan memberikan rawatan perubatan yang teratur di tempat kejadian.
- 6.2 Pemindahan pesakit secara pantas, senyap dan tidak banyak menarik perhatian awam.
- 6.3. Pemindahan kepada Kemudahan Perubatan yang telah ditentukan menggunakan pengangkutan yang serba lengkap secara cepat dan teratur.
- 6.4. Mempunyai sistem komunikasi yang menyeluruh di antara Pasukan Perubatan dan Pusat Operasi / Hospital.
- 6.5. Memantau dan mengawas aktiviti kesihatan di pintu masuk KLIA, disekitar kawasan persidangan dan ditempat penginapan termasuk kawalan mutu makanan, kebersihan persekitaran, kawalan mutu air dan sanitasi, kawalan vektor sebelum dan semasa persidangan/ majlis.

7. TUGAS PENYELARAS / URUSETIA PERUBATAN YANG DI LANTIK

(dilantik oleh Pengarah Kesihatan Negeri / Pengarah Hospital atau Pegawai Kesihatan Daerah):

- 7.1 Menentukan tempat dan lokasi majlis
- 7.2 Menentukan acara / jenis aktiviti yang dijalankan.
- 7.3. Menentukan tempoh dan masa acara berlangsung
- 7.4 Menentukan tahap ancaman dan risiko, mengenalpasti cara dan laluan pemindahan pesakit ke kemudahan perubatan yang terdekat atau sesuai dengan jenis kecemasan
- 7.5 Mengadakan lawatan tapak / bangunan dari aspek keselamatan, pelan persidangan, sejarah kemalangan, bilik operasi / penyediaan klinik statik, saiz lif yang sesuai untuk stretcher, kerusi roda, tempat letak ambulan, lokasi klinik statik dan bergerak dan mengadakan latihan kecemasan (dry-run)

- 7.6 Pasukan Kesihatan akan memantau penyediaan makanan dan minuman dan juga dari aspek kebersihan tempat majlis tersebut akan di adakan.
- 7.7 Menentukan sumber manusia - menyediakan senarai nama petugas yang terlibat dan kelayakan
- 7.8 Memohon penyertaan daripada agensi-agensi lain. Mengenal pasti bilangan pasukan perubatan dan kesihatan samada memerlukan bantuan daripada Polis, BOMBA, MRCS, St. John Ambulance atau JPA 3.
- 7.9 Memastikan semua mesyuarat yang di adakan oleh pihak penganjur akan di hadiri oleh pihak urusetia yang akan memberikan pasukan perlindungan perubatan

8. KRITERIA PEMILIHAN HOSPITAL UNTUK MEMBERIKAN PERLINDUNGAN PASUKAN PERUBATAN

Hospital yang akan di pilih untuk menyediakan perlindungan pasukan perubatan adalah berdasarkan kepada tempat dan jenis acara tersebut di adakan. Berdasarkan kepada itu, Pengarah Kesihatan Negeri akan memilih hospital-hospital berdasarkan kepada kriteria tersebut di bawah ini iaitu :

- mempunyai peralatan dan perkhidmatan yang lengkap
- mengenalpasti hospital lain yang mempunyai perkhidmatan rawatan khusus.

9. KEPERLUAN ASAS BAGI PASUKAN PERUBATAN DAN KESIHATAN TUNGGU SEDIA

Keperluan asas yang perlu disediakan bergantung kepada keperluan sumber manusia dan tanggungjawab, latihan, pengangkutan/kenderaan, keperluan di tapak, alatan dan peralatan komunikasi.

9.1 Keperluan Sumber manusia

Jenis pasukan perubatan dan Kesihatan akan bergantung kepada penilaian risiko dan berdasarkan ke atas kad penilai (scoring card- sila rujuk **LAMPIRAN 1**)

9.2 Mengadakan penyelarasan / ketua pasukan

Ketua pasukan akan bertanggungjawab ke atas petugas, peralatan dan pencapaian pasukan. Beliau akan bertindak sebagai koordinator diantara penganjur, pasukan perubatan dan hospital yang terlibat dan juga melibatkan diri dengan dokumentasi dan penulisan laporan.

9.3 Latihan

Memastikan semua petugas yang terlibat telah mendapat latihan sepatutnya. Mengadakan 'table-top exercises', 'dry-run' dan latihan pengurusan ke atas peralatan perubatan jika perlu.

9.4 Anggota pasukan

Semua anggota yang terlibat didalam pasukan perubatan tunggu sedia perlu dilatih didalam Resuscitasi Kardio Pulmonari (Cardio Pulmonary Resuscitation)

10. KEPERLUAN KHAS YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PIHAK PENGANJUR

- 10.1 Di tempat khas / Bilik Khas
- 10.2 Tempat letak ambulan
- 10.3 Tanda arah
- 10.4 Makan minum
- 10.5 Tempat tinggal anggota
- 10.6 Kad pengenalan diri dan pelekot kereta
- 10.7 Keperluan asas (**maklumat lanjut di LAMPIRAN 3**)

11. KEPERLUAN KHAS YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 11.1 Keperluan lain
- 11.2 Peralatan di bilik rawatan
- 11.3 Ambulan

Kementerian Kesihatan Malaysia akan menggunakan ambulan sedia ada di Klinik Kesihatan / Hospital yang lengkap dengan peralatan perubatan dan alat komunikasi untuk pasukan perubatan tunggu sedia.

(maklumat lanjut di LAMPIRAN 4)

Peralatan Pasukan Perubatan Tunggu Sedia

Peralatan-peralatan perubatan bagi bantuan kecemasan hendaklah dibeli oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan dikhaskan untuk Pasukan Perubatan Tunggu Sedia.

12. CAJ UNTUK PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN

12.1 Pegawai perubatan akan di bayar mengikut kadar kerja luar waktu bekerja biasa bagi pegawai perubatan dan pegawai pergigian berdasarkan kepada surat Bah.Kewangan berujukan **Bil (6) dlm KK (S)-260/38 Jld.4 bertarikh 10 Februari 2006 .**

12.2 Pembantu Perubatan / Jururawat / Penolong Perawatan Kesihatan / Pemandu akan di bayar Elaun Lebih Masa mengikut kadar masa kini berdasarkan kepada **Perintah AM : Bab G – Waktu Bekerja dan Lebih Masa.**

12.3. Caj untuk Pasukan Perlindungan Perubatan akan berdasarkan kepada **Jadual H , Bah. 2 Perintah Fi (Perubatan) 1982 .**

Hari Pertama : RM 200.00 } tidak termasuk Peg. Perubatan
Hari berikutan : RM 100.00

Hari Pertama : RM 350.00 } termasuk Peg.Perubatan
Hari Berikutan : RM 250.00

Merujuk Surat dari Bah. Kewangan Bil: **30 Oktober 1995 berujukan(73)dlm KKM-(203/ 18 /01) Jld.9.**

Badan-badan yang di kecualikan adalah seperti Surat Pekeliling Kewangan bertarikh **17 Julai 1993 berujukan(34)dlm.KKM-203 / 18 /02.**

Penyediaan Liputan Perlindungan Perubatan untuk majlis yang di anjurkan oleh badan-badan bukan kerajaan dan dihadiri oleh orang kenamaan boleh dipertimbangkan. Walaubagaimanapun, jika perlindungan sedemikian di beri, pihak penganjur hendaklah di kenakan caj mengikut Surat Pekeliling bertarikh **30 Oktober 1995 berujukan (73)dlm KKM-(203/ 18 /01) Jld.9.**

Pembayaran tersebut di fasa 12.1, 12.2 dan 12.3 ini hendaklah di tanggung oleh pihak penganjur / pusat tanggungjawab di mana berkenaan.

13. SISTEM PENGURUSAN PENYEDIAAN PASUKAN PERUBATAN TUNGGU SEDIA (Sila rujuk LAMPIRAN 5 DAN 6)

Satu laporan harus di sediakan oleh pihak yang telah memberikan perlindungan pasukan perubatan selepas majlis / upacara tersebut mengikut format seperti di **LAMPIRAN 7.**

14. TARIKH KUATKUASA DAN PEMBATALAN

14.1. **Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.**

14.2. Dengan pengwujudan Pekeliling baru ini, maka Pekeliling Pengarah Perkhidmatan Perubatan No.3/86 Penyediaan Perkhidmatan Pasukan Perubatan Bil.(7) dlm.KKM-87(151/1) Tarikh : 3hb Julai 1986 adalah terbatal dan termansuh dengan sendirinya.

15. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling yang baru ini sila rujuk kepada :

**Bahagian Perkembangan Perubatan
Aras 7, Blok E1, PARCEL E
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA
Tel. No : 03-88831159/ 03-88831157
Fax. No : 03-88831155**

LAMPIRAN 1

Cara menentukan jenis pasukan yang perlu dihantar untuk perkhidmatan perlindungan perubatan

Variable (Pembolehubah)	Markah 1	Markah 2	Markah 3
Status VIP	1.Lain-lain atas budibicara Ketua Jabatan	1.Timbangan Perdana Menteri 2.Menteri-menteri 3.Menteri Besar / Ketua Menteri	1.Yang di Pertuan Agong 2.Raja Permaisuri Agong 3.Raja-Raja/ Pemangku-Pemangku Raja 4. Yang DiPertua Negeri 5. Perdana Menteri 6. Ketua Negara Asing

Variable (Pembolehubah)	Markah 1	Markah 2	Markah 3
Umur	< 50 thn	50 – 65 thn	> 65 thn
Risiko aktiviti VIP	Perasmian / Penutupan majlis	Berada sepanjang masa majlis	Terlibat secara langsung dlm acara
Risiko persekitaran	Perhimpunan < 200 Orang	Perhimpunan 200 – 1000 orang di Confined area	Perhimpunan > 1000 org dan ditempat yg tidak selamat seperti "Construction Area"
Security risk	Tiada risiko	Selain dari negeri yang dikategorikan 'Terrorist'	Dari negeri-negeri "terrorist"

		dan jawatan yg dipegang selain dari polis dan pertahanan.	Ketua Polis Menteri Pertahanan
Jumlah Markah			

Tahap 1 Rendah (Markah 6-11)
Tahap 2 Sederhana (Markah 12-15)
Tahap 3 Tinggi (Markah 16-18)

Tahap 3 (Markah 16-18) Pasukan 1
Tahap 2 (Markah 12-15) Pasukan 2
Tahap 1 (Markah 6-11) Pasukan 3

Pasukan 1 akan mengandungi pakar, pegawai perubatan yang terlatih, pembantu perubatan, jururawat, atendan kesihatan dan pemandu.

Pasukan 2 akan mengandungi pegawai perubatan yang terlatih, pembantu perubatan, jururawat, atendan kesihatan dan pemandu.

Pasukan 3 akan mengandungi pembantu perubatan, jururawat dan pemandu.

Penilaian scoring card tidak sesuai dipakai sekiranya majlis dihadiri oleh VVIP yang dinyatakan di atas. Bagi majlis-majlis SPB Yang Dipertuan Agong / DYMM Sultan / Raja dan Perdana Menteri, pertimbangan perlu dibuat berdasarkan kehadiran VVIP dan majlis sahaja.

Contoh : SPB Yang DiPertuan Agong - Pakar Perubatan adalah perlu

DYMM Sultan - Kehadiran Pegawai Perubatan adalah perlu

JENIS PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN

1. Klinik statik

- keperluan asas
- lokasi yang strategik dan sesuai, ditingkat bawah bagi memudahkan pemindahan ke ambulan
- berdekatan dengan lif dan eskalator
- berdekatan dengan acara rasmi
- sistem komunikasi yang berkesan

2. Perhimpunan ramai

Menyediakan pelan bencana bergantung kepada aktiviti, lokasi dan bilangan peserta.

3. Klinik pasukan bergerak

- Pasukan pengiring dengan alatan yang mencukupi.
- Petugas Perubatan perlu berada di tempat yang strategik semasa majlis diadakan.
- mengenalpasti kenderaan yang diperlukan seperti kereta, bot, kereta golf, basikal
- Status kesihatan VVIP perlulah dimaklumi dan persiapan yang sesuai dengan keperluan kesihatannya perlu dilakukan. Sekiranya ada, penyelarasan dengan doktor peribadi mengenai perkara-perkara yang perlu harus dibuat dan persiapan perlulah dibuat.

LAMPIRAN 3

KEPERLUAN ASAS YANG PERLU DI SEDIAKAN OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Di Tempat khas / Bilik Khas(Klinik)

Tempat khas bagi pasukan perubatan tunggu sedia perlu disediakan. Ianya hendaklah berhampiran dengan tempat aktiviti dilangsungkan. Disamping itu, pihak penganjur perlu menyediakan keperluan-keperluan minima yang dinyatakan seperti dibawah :-

- PAPAN TANDA (Pusat Perubatan / Kecemasan)
- POWER POINT 3 pin soket x 2 set (4 set)
- SUMBER AIR dan SINKI x 1 buah
- MEJA x 1 buah
- KERUSI x 6 buah
- TABIR (screen)
- KIPAS ANGIN
- ALAT KOMUNIKASI (telefon, walkie talkie dsb)
- Dan lain-lain mengikut keperluan keadaan, termasuk katil

2. Tempat Letak Ambulan

Tempat letak ambulan hendaklah berhampiran dengan tempat aktiviti. Laluan keluar masuk ambulan tidak dihalang oleh mana-mana kenderaan supaya perjalanannya tidak terganggu sepanjang masa liputan (kerjasama pihak polis diperlukan)

3. Tanda arah

Tanda arah yang jelas perlu disediakan ke klinik.

4. Makan dan Minum

Makan dan minum perlu disediakan

5. Tempat Tinggal Anggota

Anggota pasukan perubatan tunggu sedia hendaklah disediakan tempat tinggal yang setaraf dengan kelayakannya jika bertugas lebih dari 24 jam.

6. Kad Pengenalan Diri dan Pelekat Kereta

Kad pengenalan diri dan pelekat kereta untuk anggota pasukan tunggu sedia yang terlibat dengan aktiviti hendaklah disediakan oleh pihak penganjur sebelum liputan dibuat.

7. Keperluan Khas

Peti sejuk hendaklah disediakan sekiranya pasukan perubatan tunggu sedia diperlukan pada jangka masa yang panjang atau pada aktiviti-aktiviti tertentu seperti temasya sukan yang besar.

KEPERLUAN YANG PERLU DI SEDIAKAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Keperluan lain

Skuad Basikal/motosikal, kenderaan medik, helikopter (jika di perlukan akan diuruskan dengan Bomba, Polis).

2. Peralatan di Bilik Rawatan

- Resuscitasi troli.
- Alat ECG
- Defibrillator
- Vital sign Monitor
- Transport ventilator
- Portable O2 cylinder
- Suction apparatus
- Chest Tube set
- Tracheostomy set
- Cut down set/ CVP lines
- Perfusor
- T&S set
- Halogen spotlight
- Splint
- Foldable stretcher
- Communication equipments
- Ubat-ubat kecemasan yang perlu ada (Standard list)

3. Ambulan

KKM akan menggunakan ambulan sedia ada di Klinik Kesihatan/ Hospital yang lengkap dengan peralatan perubatan dan alat komunikasi untuk pasukan perubatan tunggu sedia.

4. Peralatan dalam ambulan

TYPE A AMBULAN

1) Alat-alat kelengkapan

- Emergency Medical and trauma kit -EMTS (2 set)
- Oxygen Resuscitator (1 set)
- Portable Suction machine (1 set)
- Spinal Board and Body Strap (1 set)
- Automated External Defibrillator (1 set)
- Vital Sign Transport Monitor (1 set)
- Fordable Wheel Chair (1 set)
- Scoop Stretcher (1 set)
- Immobilisation set-AULI/ ALLI/ Finger/ Arm/ Traction(2 set)
- Hand Held Pulse Oxymeter (1 set)
- Triage Cards (100 set)
- **Portable Automatic Ventilator (1 set)**
- Paramedic Suite, Helmet, Safety Boot (1 set)
- Glucometer (1 set)
- Dead Body Management Kit (10 set)
- Sharp Container / Clinical Waste (1 set)
- Medical Extrication Device (1 set)

TYPE B AMBULAN

1) Alat-alat kelengkapan

- Emergency Medical and trauma kit -EMTS (2 set)
- Oxygen Resuscitator (1 set)
- Portable Suction machine (1 set)
- Spinal Board (1 set)
- Automated External Defibrillator (1 set)
- Vital Sign Transport Monitor (1 set)
- Fordable Wheel chair (1 set)
- Scoop Stretcher (1 set)
- Immobilisation set-AULI/ ALLI (2 set)
- Hand Held Pulse Oxymeter (1 set)
- Triage Cards (100 set)
- Paramedic Suite, Helmet, Safety Boot (1 set)
- Glucometer (1 set)
- Dead Body Management Kit (10 set)
- Sharp Container / Clinical Waste (1 set)

Dokumentasi dan Buku Laporan

- **Rekod Pesakit**
- **Statistik**
- Satu buku laporan khas hendaklah disediakan bagi mencatatkan segala maklumat dan perihal yang berlaku semasa liputan perubatan tersebut dijalankan. Ini akan disampaikan kepada penyelarasa sebaik sahaja liputan perubatan selesai.

SISTEM PENGURUSAN PENYEDIAAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN

1. Permohonan untuk Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan bagi aktiviti di peringkat Kebangsaan / Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan untuk di peringkat negeri lain kepada Pengarah Kesihatan Negeri berkenaan. Borang permohonan untuk permintaan Pasukan Perlindungan Perubatan dan format laporan liputan perubatan dan kesihatan adalah seperti di **LAMPIRAN 6**.
2. Pengarah berkenaan akan menimbang dan memutuskan samada aktiviti tersebut memerlukan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan atau sebaliknya.
3. Jika permohonan tidak diluluskan, Pengarah berkenaan hendaklah menasihatkan pihak pemohon supaya menghubungi badan sukarela yang lain atau pengamal perubatan swasta untuk tujuan tersebut. Bagi permohonan liputan perubatan majlis-majlis tempatan biasa dengan kehadiran orang kenamaan yang layak (tidak termasuk majlis antarabangsa atau majlis kebangsaan), Jabatan Kesihatan Negeri akan mengemukakan satu surat kepada pihak penganjur dengan meminta maklumat majlis dan mengaturkan keperluan pasukan perubatan seperti di bawah:
 - Tarikh dan masa
 - Tempat
 - VVIP yang hadir
 - Bilangan peserta / orang ramai yang dijangka datang (expected crowd)
 - Tahap ancaman / Risiko majlis
 - Tarikh lawatan tapak
 - Keperluan pasukan perubatan

- Tempat letak ambulans
 - Bilik untuk pemeriksaan dengan keperluan peralatan asas dengan plug point
4. Jika permohonan diluluskan, Pengarah berkenaan akan menentukan samada permohonan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan perlu dikenakan caj atau tidak.
 5. Hospital atau Pejabat Kesihatan yang terlibat (dimana aktiviti yang berkenaan akan berlangsung) hendaklah dipertanggungjawabkan bagi menyediakan Pasukan Perlindungan Perubatan, jika diminta berbuat demikian oleh Pengarah Kesihatan Negeri.
 6. Semua permohonan Pasukan Perlindungan Perubatan Tunggu Sedia hendaklah dikemukakan secara bertulis sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum acara dilangsungkan.
 7. Semua caj yang dikenakan hendaklah dijelaskan sebelum liputan perubatan disediakan.
 8. Seorang penyelaras atau urusetia perubatan yang terlibat secara langsung dengan penyediaan perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Kesihatan di peringkat Negeri, Hospital dan Pejabat Kesihatan hendaklah dilantik oleh Pengarah Kesihatan Negeri / Pengarah Hospital atau Pegawai Kesihatan Daerah sebagai wakil bagi mengendalikan urusan liputan perubatan supaya aktiviti tersebut dapat dijalankan dengan lancar. Ini termasuk menghadiri mesyuarat / perbincangan / lawatan dengan pihak penganjur.
 9. Penyelaras/urusetia hendaklah menyediakan laporan liputan perubatan seperti format di **Lampiran 7** apabila tugas telah diselesaikan dan dikemukakan kepada Pengarah Negeri dalam tempoh 2 minggu.

PERMOHONAN UNTUK PERLINDUNGAN PASUKAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

(JAWAPAN DARI PEMOHON)

Sila isi dan hantar kepada : ATAU FAX :

Jabatan Kesihatan Negeri

Pejabat Kesihatan Negeri

No . Telefon :

1. Tarikh :

2. Masa :

3. Tempat :

Lampirkan plan lakar tata atur (sketch lay-out plan) dengan maklumat yang di perlukan .

4. Dif – dif dan peserta

Nama dif kehormat :

Jumlah dif :

Jumlah peserta :

Jumlah kanak-kanak :

5. Aturcara

Sila lampirkan aturcara :

Pakaian yang diwajibkan :

6. Pegawai perhubungan

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

No. Fax :

7. Pas Keselamatan : Di sediakan / Tidak di sediakan

Pelekat kereta : Di sediakan / Tidak di sediakan

8. Pelan tindakan : Ada / Tidak

9. Rawatan pesakit : Di hospital kerajaan / Hospital swasta

10. Bayaran di sertakan / ELM/ ELWK :

11. Tempat untuk pasukan perubatan (bilik klinik / tempat tinggal) :

12. Makan / minum :

13. Tempat letak ambulan

DARIPADA

TARIKH :

LAMPIRAN 7

FORMAT LAPORAN LIPUTAN PERLINDUNGAN PASUKAN PERUBATAN

1. TUJUAN LIPUTAN PERUBATAN :

2. TARIKH DAN MASA :

3. TEMPAT :

4. ANGGOTA PERUBATAN :

.....
.....
.....

5.LAPORAN KECEDEeraan :

.....
.....
.....

6.ULASAN / CADANGAN :

.....
.....
.....

7.LAPORAN DI SEDIAKAN OLEH :

TARIKH :

8. LAPORAN DI HANTAR KEPADA :

TARIKH :